

Anwar : Hentikan politik budaya

KUALA LUMPUR, Jumaat

— Setiap golongan yang mahu keamanan dan kemakmuran negara hendaklah berhenti menggunakan bahasa dan kebudayaan sebagai isu politik, kata Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim, hari ini.

Pemimpin, budayawan, kaum intelek dan generasi muda mestilah menghadapi cabaran-cabaran baru dengan lebih matang dengan mengeneapkan isu-isu nega-

tif, sebaliknya merumuskan pemikiran mereka dalam membantu menjayakan bangsa Malaysia yang ber satu, berna'wah dan gemilang, katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerjanya bertajuk *Pemupukan Perpaduan Negara Melalui Kebudayaan dan Kebangsaan: Strategi dan Pelaksanaan* di Seminar Kebudayaan Kebangsaan dan Perpaduan Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di Bangi, selamam.

Seminar sehari yang dianjurkan bersama oleh UKM, Jabatan Perpaduan Negara dan Kementerian Kebudayaan itu dihadiri oleh 150 orang tokoh budayawan dan wakil-wakil dari berbagai-bagai pusat bahasa dan kebudayaan.

Encik Anwar berkata, golongan-golongan itu mestilah menghentikan perbuatan mendapatkan publisiti murah dengan menimbulkan prasangka kaum dan menggembar-gembur pera-

saan terancam yang direka untuk mencemaskan keadaan.

"Sejarah jelas menunjukkan bahawa golongan yang cuba menggugat keutuhan dasar-dasar kerajaan dan mengungkit semula formula pokok pembinaan negara akan gagal, berbuat demikian akan ditepulkan oleh rakyat," katanya.

Untuk memupuk budayawan kebangsaan penting adanya kesedaran, kefahaman dan penglibatan semua peringkat agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan rakyat.

Badan-badan berkanun, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan institusi pengajian tinggi hendaklah juga menjalankan tugas mereka sama ada dari segi menggalakkan penyelidikan atau penyebaran ilmu pengetahuan, kata Encik Anwar.

Beliau berkata, apa yang penting dalam pelaksanaan kebudayaan kebangsaan ialah meluaskan titik pertemuan antara kaum yang menjadi kunci untuk mencapai matlamat terpenting negara, iaitu penyatuan melalui keperibadian kebangsaan yang jitu.

"Usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang murni di kalangan masyarakat adalah selari dengan usaha memberi sebanyak mungkin titik pertemuan di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.

"Peningkatan taqwa serta ketinggian akhlak di kalangan masyarakat Islam juga bererti meningkatnya jumlah anggota masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai sejagat yang luhur, berdisiplin, cintakan keadilan dan mengamalkan sikap sederhana dan tolak ansur terhadap kaum dan agama lain," kata Encik Anwar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia